

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR • CENTRE FOR STUDENT AFFAIRS

MEMO – HAL EHWAL PELAJAR BIL. 5/2021

**PERGERAKAN PULANG PELAJAR KE KAMPUNG HALAMAN DAN KEMBALI KE KAMPUS
SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI & CUTI PERTENGAHAN SEMESTER 2021**

- 1.0 Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 29 April 2021 berkenaan Pergerakan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Pulang Sempena Cuti Perayaan Aidilfitri & Cuti Pertengahan Semester 2021 adalah dirujuk.
- 2.0 Semua pelajar diberi pilihan sama ada pulang ke kampung halaman masing-masing atau kekal berada di kampus (Kolej Kediaman/Rumah Sewa/Plaza Rah/Laman Midah) sempena cuti perayaan dan cuti pertengahan semester tersebut. Pelepasan ini selaras dengan kelonggaran yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebelum ini kepada sektor Pendidikan.
- 3.0 Kelonggaran ini diberikan kepada pelajar yang berada di dalam dan luar kampus (Bangi, KL dan Cheras) termasuklah:
 - 3.1 Pelajar Fasa 1 dan Fasa 2 (sedia ada di kampus); dan
 - 3.2 Pelajar antarabangsa (tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan negara asal pelajar).
- 4.0 UKM telah membuat ketetapan supaya proses ini dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan pergerakan pelajar adalah terkawal. Tarikh-tarikh yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - 4.1 **Pergerakan pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing: 7 hingga 12 Mei 2021**
 - 4.2 **Pergerakan pelajar kembali ke kampus**
 - 4.2.1 **Pelajar Fasa 3: 16 & 17 Mei 2021**
 - 4.2.2 **Pelajar Fasa 1 dan Fasa 2 (sedia ada di kampus): 16 hingga 20 Mei 2021**
- 5.0 Pelajar perlu mengisi Borang Maklum Balas Terkini Pegerakan Pelajar Pulang ke Kampung Halaman/ Berada di Kampus Sempena Aidilfitri 2021 secara dalam talian seperti di pautan berikut:<https://forms.gle/KGwYML42DDMfN2r19>
- 6.0 Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) bertanggungjawab untuk mengeluarkan Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Negeri/ Daerah berdasarkan tarikh pulang ke kampung halaman dan kembali ke kampus kepada pelajar yang memohon.



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. : QMS 02549

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghsiswa@ukm.edu.my
www.ukm.my/siswaukm



Web:

- 7.0 Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Negeri/ Daerah yang dikeluarkan oleh UKM adalah mengikut format yang disediakan oleh MKN/ Polis Diraja Malaysia dan pelajar **TIDAK PERLU** ke balai polis berhampiran bagi mendapatkan kelulusan.

A. PERGERAKAN PULANG KE KAMPUNG HALAMAN

- 1.0 Pelajar boleh memilih kaedah pergerakan pulang ke kampung halaman seperti berikut:
- 1.1 menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan oleh universiti (kos perkhidmatan ditanggung oleh pelajar);
 - 1.2 menggunakan kenderaan sendiri (memandu sendiri);
 - 1.3 menaiki kenderaan bersama waris/ keluarga;
 - 1.4 menggunakan perkhidmatan penerbangan.
- 2.0 Pelajar yang ingin pulang ke Sabah perlu menjalani ujian Swab RT-PCR atau RTK-Ag dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan serta tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan Negeri. Kos pergerakan pulang dan kembali ke kampus, termasuk bagi menjalani ujian Swab adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
- 3.0 Pelajar yang pulang ke kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu membuat pemantauan gejala secara kendiri dan jika bergejala perlu hadir ke klinik kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan.
- 4.0 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** pulang / kembali dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
- 5.0 Sepanjang proses pergerakan ini, pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menaiki kenderaan awam kecuali perkhidmatan penerbangan. Penggunaan kenderaan awam **HANYA DIBENARKAN** untuk tujuan pergerakan ke lapangan terbang sahaja.
 - **Pelajar pulang menggunakan perkhidmatan yang disediakan universiti (kos perkhidmatan ditanggung oleh pelajar)**
 - i. HEP-UKM membantu dalam penyelarasan kenderaan, jadual pergerakan pulang berfasa mengikut zon dan lokasi untuk menurunkan pelajar.
 - ii. Operasi pergerakan pelajar pulang sempena Aidilfitri menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh UKM kali ini akan dilaksanakan pada 7 hingga 9 Mei 2021 melibatkan kerjasama Persatuan Anak Negeri UKM, Majlis Eksekutif Pelajar, Kesatuan Mahasiswa UKM, Kelab Sukarelawan Siswa UKM dan Persatuan Kasih Mahasiswa.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghehp@ukm.edu.my
www.ukm.my/siswaukm



Web:

www.ukm.my

iii. Pelajar yang DIBENARKAN untuk menyertai pergerakan menggunakan perkhidmatan yang disediakan universiti adalah seperti berikut:

- a. Telah diberi Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Negeri/ Daerah;
- b. Telah membuat bayaran kos perkhidmatan yang ditetapkan;
- c. Telah melengkapkan Borang Pengisyiharan Kesihatan (HDF); dan
- d. Tidak bergejala serta sihat pada hari pergerakan.

iv. Pelajar perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN.

- **Pelajar pulang dengan kenderaan sendiri (memandu sendiri)**

- i. Pelajar WAJIB mempunyai Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Negeri/ Daerah dan telah melengkapkan Borang Pengisyiharan Kesihatan (HDF) yang disediakan oleh HEP-UKM;
- ii. Tarikh pergerakan adalah tetap dan tidak boleh dipinda; dan
- iii. Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN.

- **Pelajar pulang bersama waris/ keluarga (kenderaan waris/ keluarga)**

- i. Pelajar WAJIB mempunyai Surat Pelepasan Perjalanan Rentas Negeri/ Daerah dan telah melengkapkan Borang Pengisyiharan Kesihatan (HDF) yang disediakan oleh HEP-UKM;
- ii. Had maksimum kapasiti dalam kenderaan adalah tiga (3) orang termasuk waris/ keluarga dan pelajar;
- iii. Tarikh pergerakan adalah tetap dan tidak boleh dipinda dan tidak melebihi dua (2) hari dari tarikh yang dibenarkan; dan
- iv. Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN.

6.0 Sebagai kawalan kepada pergerakan pelajar, Jawatankuasa Tindakan Krisis (JKTK) UKM telah menetapkan bahawa pelajar yang pulang ke kampung halaman sempena Aidilfitri dan cuti pertengahan semester WAJIB memulangkan kunci bilik kolej kediaman di pejabat kolej kediaman dalam waktu pejabat sebelum meninggalkan kampus.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my
www.ukm.my/siswaukm



Web:

B. PERGERAKAN KEMBALI KE KAMPUS

- 1.0 Semua pelajar yang pulang ke kampung halaman (termasuk di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan)/ keluar bermalam bagi Fasa 1 dan 2, termasuk pelajar Fasa 3 **WAJIB menjalani Fasa Pemantauan Kendiri selama 10 hari** apabila kembali semula ke kampus.
- 2.0 Bagi pelajar yang telah menjalani Ujian Swab (RT-PCR) sebelum kembali ke kampus, pengecualian tempoh pengasingan boleh dipertimbangkan oleh pihak UKM (kos ditanggung oleh pelajar).
- 3.0 Bagi pergerakan pelajar kembali ke kampus selepas Aidilfitri, pelajar perlu mematuhi beberapa ketetapan seperti berikut.

• Pelajar Fasa 3

- i Tarikh dan Waktu pendaftaran bagi **Fasa 3** adalah pada **16 hingga 17 Mei 2021**, bermula jam **9.30 pagi hingga 5.30 petang**. Pelajar diingatkan untuk hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan SAHAJA.
- ii Pelajar diminta masuk ke kampus melalui laluan yang dikhaskan iaitu di Pintu Utama UKM diikuti seterusnya dengan menjalani saringan kesihatan dan pemakaian gelang di Dataran Panggung Seni secara pandu-lalu. Kaedah yang sama juga dilaksanakan di Kolej Tun Dr. Ismail (Kampus Cheras) dan Kolej Tun Syed Nasir (Kampus KL).
- iii Sekiranya pelajar dan/atau keluarga yang mengiringi pelajar bergejala, mereka akan dibawa ke Pusat Kesihatan Universiti untuk saringan lanjut. Pelajar yang tidak bergejala akan menuju ke kolej kediaman yang telah ditetapkan.
- iv Setibanya di Kolej Kediaman, pelajar perlu mendaftar masuk dengan mematuhi SOP kolej kediaman dan terus ke bilik penginapan.

• Pelajar Fasa 1 dan 2

- i. Pergerakan pelajar Fasa 1 dan 2 yang akan kembali semula ke kampus selepas cuti Aidilfitri dan pertengahan semester dibenarkan mulai **16 hingga 20 Mei 2021** bermula jam **9.30 pagi hingga 5.30 petang**. Pelajar diingatkan untuk hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan SAHAJA.
- ii. Pelajar dibenarkan kembali ke kampus dengan menggunakan kenderaan sendiri, pulang bersama waris/keluarga atau menggunakan perkhidmatan penerbangan SAHAJA.
- iii. Sekiranya pelajar dan/atau keluarga yang mengiringi pelajar bergejala, mereka akan dibawa ke Pusat Kesihatan Universiti untuk saringan lanjut. Pelajar yang tidak bergejala akan menuju ke kolej kediaman yang telah ditetapkan.
- iv. Penggunaan pengangkutan awam tidak dibenarkan bagi mengurangkan risiko kepada seluruh warga di kampus.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghehp@ukm.edu.my
www.ukm.my/siswaukm



Web:

- v. Pelajar diminta masuk ke kampus melalui laluan yang dikhaskan iaitu di Pintu Utama UKM diikuti seterusnya dengan menjalani saringan kesihatan dan pemakaian gelang di Dataran Panggung Seni secara pandu-lalu. Kaedah yang sama juga dilaksanakan di Kolej Tun Dr. Ismail (Kampus Cheras) dan Kolej Tun Syed Nasir (Kampus KL).
- vi. Setibanya di Kolej Kediaman, pelajar perlu mendaftar masuk dengan mematuhi SOP kolej kediaman dan terus ke bilik penginapan.

C. HAL-HAL LAIN

- 1.0 Semua pelajar Fasa 1 dan 2 yang telah selesai urusan PdP di kampus dan ingin terus pulang ke kampung halaman sehingga tamat semester ini diminta mengosongkan dan mendaftar keluar bilik penginapan di kolej kediaman sebelum meninggalkan kampus.
- 2.0 Pelajar diminta jujur serta memberikan maklumat yang benar sepanjang operasi pergerakan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan tatatertib dan dilaporkan kepada pihak berkuasa.
- 3.0 Setiap pelajar dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Kerjasama para pelajar untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan adalah amat dihargai.
- 4.0 Sebarang perubahan pemakluman adalah tertakluk kepada arahan semasa oleh MKN/ KKM/ KPT/ UKM.
- 5.0 Berikut adalah **Talian Hotline** Bilik Gerakan yang boleh dihubungi oleh pelajar seperti di bawah:

Bil.	Nama	Emel & No. Telefon
1.	Encik Asyraf bin Radzwan	asyraf@ukm.edu.my 012-9510714
2.	Puan Hazrin Adila binti Mohamad Hashim	hamh@ukm.edu.my 019-3330568
3.	Encik Muhammad Afdzal bin Mohd Affandi	afdzalaffandi@ukm.edu.my 010-8212944
4.	Pejabat HEP-UKM (waktu pejabat sahaja)	pghhep@ukm.edu.my 03-8921 4670/ 4531/ 4532/ 4534

Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)

3 Mei 2021

*Memo ini telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada JKTK UKM.



PUSAT HAL EHWAH PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my
www.ukm.my/siswaukm

